

PENDAHULUAN

Skim Sewa Pajak Tanpa Faedah merupakan skim dimana Pertubuhan Peladang diberi kemudahan pinjaman tanpa faedah bagi melaksanakan aktiviti Lepas Tuai dan Sokongan Pengeluaran. Skim ini telah mula diperkenalkan pada tahun 1982

Skim Ini diperkenalkan dalam usaha meningkatkan pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian oleh Pertubuhan Peladang serta menjadikan Pertubuhan Peladang sebagai Institusi Utama dalam pengeluaran makanan, penyediaan perkhidmatan mekanisasi dan automasi lading, pengedaran dan pengangkutan serta aktiviti lepas tuai

OBJEKTIF SKIM

Mentransformasikan sector pertanian di Pertubuhan Peladang ke arah pertanian yang lebih moden dan berdaya saing

Menggalakkan pemilikan dan penggunaan pengangkutan jentera / mekanisasi di kalangan Pertubuhan Peladang

Menggalakkan aktiviti lepas tuai dan sokongan pengeluaran untuk kemudahan peladang

Usaha bagi meningkatkan produktiviti dan perkhidmatan oleh Pertubuhan Peladang

Penyediaan khidmat mekanisasi dan automasi ladang adalah bagi menggalakkan Pertubuhan Peladang menggunakan jentera ladang secara lebih insentif

SKOP PEMBIAYAAN

Pembiayaan untuk memiliki jentera / pengangkutan baru atau baikpulih untuk kemudahan dalam pengeluaran dan pemasaran hasil pertanian oleh Pertubuhan Peladang

Pembiayaan bagi aktiviti lepas tuai seperti pusat pengumpulan, penyimpanan dan penggedaran

JENIS –JENIS PEMBIAYAAN

Jenis-jenis pembiayaan adalah seperti berikut :

Mesin, Jentera dan Pengangkutan

- Lori
- Jentera Pengangkut
- Jengkaut (Forklift / Shovel)
- Backhoe / Loader
- Jentuai
- Traktor
- Pick Up 2WD/4WD
- Bot

Pusat Pengumpulan

- Bangunan
- Wieght Bridge
- Penggeddan
- Pemmbungkusan
- Pelabelan
- Mesin-mesin yang pada pendapat pengurusan perlu untuk meningkatkan produktiviti Pertubuhan Peladang

Pusat Penyimpanan

- Bilik Sejuk Beku
- Chiller

HAD PEMBIAYAAN

Tiada Had Pembiayaan

Projek hendaklah berdaya maju serta memberi impak kepada peladang dan Pertubuhan Peladang

Diperakukan oleh Jawatankuasa Pembiayaan LPP Negeri serta mendapat kelulusan daripada Jawatankuasa Akaun Kejenteraan Ladang

SYARAT PERMOHONAN

Semua Pertubuhan Peladang layak membuat permohonan dengan syarat-syarat seperti berikut :

- Terlibat dalam aktiviti peladangan, pemasaran hasil pertanian , pemprosesan, penggredan, pengeluaran barang-barang perniagaandan input pertanian atau lain-lain aktiviti yang berkaitanyang diusahakan oleh Pertubuhan Peladang sendiri atau sebagai khidmat sokongan kepada ahli-ahli
- Pendapatan dari aktiviti mencukupi untuk menjelaskan pajakan bulanan yang dianggarkan mengikut aliran tunai projek

KAEDAH PEMBIAYAAN

Pembiayaan skim ini sehingga 100%

Tiada faedah atau kos kewangan tambahan yang dikenakan

Tempoh pembayaran pajak tidak melebihi 7 tahun



PEMBIAYAAN

SKIM SEWA PAJAK TANPA FAEDAH (SSPTF)

CARA PERMOHONAN

Pertubuhan Peladang perlu menyediakan kertas permohonan , aliran tunai dan permohonan rasmi dihantar ke LPP Ibu Pejabat melalui LPP Negeri

Jawatankuasa Pembiayaan LPP Negeri hendaklah memberi ulasan dan sokongan bagi setiap permohonan oleh Pertubuhan Peladang

KETERANGAN LANJUT

Untuk maklumat lanjut, anda boleh hubungi
urus setia SSPTF seperti berikut:-

PEJABAT LPP NEGERI MASING-MASING

ATAU

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG
BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN
DAN PEMBIAYAAN
ARAS 5B, MENARA LPP
NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50480 KUALA LUMPUR

TEL : 603-2610 9821 / 1558
FAKS : 603-2697 0967